

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN**  
**[ INDERA MAHKOTA ]**  
**TARIKH : 14.03.2016 (ISNIN)**

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [ Indera Mahkota ] minta MENTERI  
PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN  
KEPENGUNAAN menyatakan :-**

- (a) sama ada sebab-sebab kenaikan kos barangan asas yang naik mendadak hingga membebankan rakyat dikaji secara terperinci dan adakah Kerajaan merangka sesuatu strategi bagi meringankan beban rakyat ini; dan
- (b) apakah strategi Kerajaan untuk meredakan kenaikan kos barangan makanan asas, perumahan dan lain-lain seperti pengangkutan awam, utiliti dan lain-lain.

## **JAWAPAN (a):**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Trend harga barangan keperluan asas di seluruh negara sentiasa dipantau dan dianalisa setiap hari. Kementerian ini telah melantik lebih 1,000 orang Pegawai Pemantau Harga untuk melaksanakan aktiviti pemantauan terhadap 446 barangan keperluan, 100 barangan di kedai serbaneka dan 208 jenis makanan dan minuman siap masak. Data pemantauan tersebut akan dianalisa bagi mendapatkan trend harga terkini. Sekiranya berlaku kenaikan mendadak, data tersebut akan disalurkan kepada pihak penguatkuasa bagi menjalankan siasatan lanjut di bawah **Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011**.

Dalam usaha Kerajaan dalam menangani isu kos sara hidup rakyat yang semakin meningkat, **Jawatankuasa Khas Menangani Kos Sara Hidup** telah ditubuhkan bagi mengenal pasti strategi-strategi yang berkesan untuk menangani isu-isu yang berkaitan secara holistik, bersepadu dan efektif. Penubuhan Jawatankuasa ini adalah sebagai susulan kepada keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 8 Januari 2014 supaya NKRA Menangani Kos Sara Hidup distrukturkan semula dengan penglibatan YB Menteri-Menteri serta Kementerian/Agensi Kerajaan yang relevan dan dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri. Tambahan lagi, **Jawatankuasa Tertinggi (*High Level Committee*)** telah ditubuhkan pada 28 Disember 2015, lanjutan daripada resolusi Deklarasi Prioriti 2016 : Ekonomi Keutamaan Kita oleh Yayasan Sejahtera Damai Malaysia, yang juga dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri. Jawatankuasa ini berperanan untuk meneliti, memperhalusi dan memantau pelaksanaan keputusan Jawatankuasa Khas Menangani Kenaikan Kos Sara Hidup Rakyat.

## **JAWAPAN (b):**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Sepertimana maklum, Malaysia mengamalkan sistem ekonomi pasaran bebas di mana kuasa pasaran (*market force*) memainkan peranan penting dalam penentuan harga barangan. Beberapa faktor lain seperti ketidaktentuan pasaran global, harga bahan mentah seperti minyak petrol dan diesel yang tidak stabil serta perubahan cuaca turut memberi kesan kepada kos barangan.

Melalui Jawatankuasa Khas Menangani Kos Sara Hidup dan Jawatankuasa Tertinggi (*High Level Committee*) yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri, banyak strategi-strategi dalam menangani kenaikan kos barangan telah dirancang dan dikaji. Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab dalam mengadakan *engagement* dengan persatuan-persatuan pengguna dan perniagaan (pengilang, pembekal, pemborong dan peruncit) serta NGO-NGO berkenaan untuk memahami dan menangani isu-isu berkaitan dengan pembekalan barang-barang dan perkhidmatan rantai bekalan, persaingan, penguatkuasaan dan faktor-faktor lain yang menentukan harga barangan dan perkhidmatan, termasuk makanan asas, perumahan, pengangkutan awam, utiliti dan sebagainya. Agensi-agensi Kerajaan yang lain juga tidak terkecuali dalam merangka strategi bagi membantu rakyat dalam menghadapi kenaikan kos barangan di negara ini.

Kementerian ini telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi memastikan peniaga-peniaga yang didapati mengenakan harga yang terlalu tinggi ke atas barangan dan perkhidmatan semata-mata untuk mengaut keuntungan yang tidak

munasabah menerusi perundangan dan akta yang berkuat kuasa di bawah Kementerian dan agensi-agensi Kementerian serta program-program khusus seperti Kempen Penurunan Harga, Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M), Kedai Kain Rakyat 1Malaysia (KKR1M), Kedai Harga Patut dan Program Penyeragaman Harga.